

09 MAR 1999

KEJOHANAN GO KART DIJANGKA DISERTAI 160 PELUMBA

LANGKAWI, 9 Mac (Bernama) -- Seramai 160 pelumba go kart tempatan dan dari luar negara dijangka menyertai kejohanan go kart antarabangsa "Indy Enduro Langkawi 1999" di sini Ogos ini.

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) Datuk Haji Abdul Halil Mutalib hari ini berkata pelumba asing itu dijangka dari Perancis, Belanda, Belgium, Amerika Syarikat, Jerman, Britain, Itali, Australia dan negara-negara Asean.

Abdul Halil, yang juga pengerusi jawatankuasa penganjur, berkata kejohanan itu dijangka lebih meriah tahun ini selepas tidak dapat dipertandingkan tahun lepas kerana Malaysia menganjurkan Sukan Komanwel.

Perlumbaan itu, yang dianjurkan oleh LADA, Mofaz Motorsport dan sebuah syarikat, mempunyai agenda penting memperkenalkan sukan go kart di samping menarik lebih ramai pelancong ke pusat peranginan ini, katanya.

Beliau berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijadual menghadiri majlis penyerahan piala pusingan, Piala Perdana Menteri pada bulan depan.

Kejohanan itu menawarkan hadiah wang tunai hampir RM200,000.

-- BERNAMA

ZI AKD